



Gapura Ilmu Merentas Dunia

myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 18



PSAS meraih pelbagai Anugerah sempena **Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM 2018** - muka 7



New OnLine Databases
Subscribed by PSAS - muka 12

BENGGEL PENYELIDIKAN di Perpustakaan Sultan Abdul Samad - muka 10





Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Statistik kunjungan dan lawatan ke Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) bagi tiga tahun kebelakangan ini menunjukkan lebih 500,000 orang pengguna hadir ke PSAS dalam tempoh setahun. Manakala bagi kunjungan maya, lebih 20,000,000 juta hits telah direkod memasuki ke laman web PSAS. Ini menunjukkan kewujudan Perpustakaan masih relevan dan diperlukan oleh warga Universiti Putra Malaysia (UPM). Bagi koleksi PSAS pula, sehingga kini terdapat 717,424 naskhah bahan. Manakala jumlah pinjaman bahan untuk tiga tahun kebelakangan sehingga bulan September 2018 adalah sebanyak 162,559 naskhah.

Sepanjang tahun ini, pelbagai usaha telah dijalankan bagi memperindah persekitaran perpustakaan. Antaranya arca "We Love UPM", Taman Pokok Hiasan dan Herba yang berkonsepkan ala Taman Zen Jepun dan Lukisan Dinding Mural yang merupakan hasil kreativiti staf PSAS. Perpustakaan juga berusaha meningkatkan kemudahan untuk keselesaan para pengguna, antaranya menyediakan penapis air jenama Cuckoo di setiap aras bagi memudahkan pengguna mendapatkan air minuman yang bersih dan berkualiti sepanjang berada di Perpustakaan. Ruang berhampiran pintu masuk yang dulunya merupakan tempat menyimpan barang telah dijadikan Mini Kafe sebagai tempat rehat, santai dan berkolaborasi yang disediakan bagi kegunaan pengguna PSAS. InshaAllah, pada awal tahun hadapan PSAS akan menyediakan "Print Shop" yang akan menyediakan perkhidmatan cetakan, imbasan, penjilidan dan sebagainya.

Sejak kebelakangan ini, pihak PSAS mendapati pengguna sering membuat perbincangan di merata sudut yang terdapat di PSAS, contohnya di foyer, bilik pengguna telefon, di bawah tangga PSAS dan sebagainya. Oleh itu, PSAS merancang untuk menyediakan ruang, perabot dan kemudahan yang lebih sesuai dan santai kepada pengguna. Bagi tujuan ini PSAS telah memohon peruntukan tambahan bagi perolehan perabot dan telah pun mendapat kelulusan daripada pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU).

Selain itu, tangga PSAS yang merupakan laluan dan tempat yang kerap diguna oleh pelanggan juga akan dinaiktaraf. Lantai tangga sedia ada tidak sesuai lagi untuk kegunaan masa kini. Projek menaiktaraf tangga dijangka siap pada tahun 2019. Semoga segala usaha ini mampu menyediakan kemudahan yang lebih kondusif kepada warga UPM dan memperindah lagi kawasan sekitar dan bahagian dalaman bangunan PSAS.

Salam hormat.

MOHD DASUKI SAHAK
 Editor
 dasuki@upm.edu.my

Sidang Pengarang

Penaung En. Muzaffar Shah Kassim	Penulis Staf PSAS
Penasihat Pn. Azizah Zainal Abidin	Jurufoto En. Muhammad Adib Ahmad Khalid
Ketua Editor Pn. Azwana Ab. Rahman	Pereka Grafik Cik Suzaini Mohamad Kasim
Editor En. Mohd Dasuki Sahak Cik Nurdiyana Mohd Kamal	Pengedaran Pn. Zaimah Saiful Yazan Pn. Norlela Mohd Yusof



MyLibrary merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan MyLibrary melalui saluran komunikasi berikut:

Ketua Editor MyLibrary
 Bahagian Korporat dan Latihan Staf
 Perpustakaan Sultan Abdul Samad
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang, Selangor.
 Tel. : 03-894678607 / 7948
 Faks : 03-89483745
 E-mel : mylibrary@upm.edu.my

Kempen Membaca Read@Uni



Majlis Pelancaran READ@UNI Institusi Pendidikan Tinggi disempurnakan oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam.

"Kita mahu mahasiswa membawa budaya membaca bukan saja dalam universiti, tetapi kita mahukan mereka menyebarkan virus membaca kepada seluruh masyarakat sehingga mampu menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat membaca dunia", Dr. Maszlee Malik (2018)

Read@Uni merupakan suatu inisiatif Kempen Membaca oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan peratusan tabiat membaca dalam kalangan warga universiti di seluruh Malaysia menjelang tahun 2020 dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai negara berbudaya membaca pada tahun 2030.

Malaysia di Dewan Agung Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Kini, kempen Read@Uni mempunyai tag line tersendiri iaitu "With Knowledge We Lead" (Berilmu Memimpin) dengan hashtag #Malysiamembaca.

Garis Panduan Read@Uni turut dilancarkan di majlis pelancaran tersebut dan Yang Berhormat Dr. Maszlee Malik telah sudi untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Poster Kempen Membaca, anjuran Jabatan Pengajian Tinggi. Sebanyak 420 penyertaan telah diterima dari

universiti awam dan swasta di seluruh negara bagi pertandingan ini.

Di UPM, Perpustakaan Sultan Abdul Samad memainkan peranan penting dalam menggerakkan usaha-usaha penggiatan budaya membaca ini dalam kalangan warga Universiti dan Jawatankuasa Pelaksana Kempen Membaca Read@Uni sedang merancang pelbagai aktiviti yang melibatkan semua PTJ, staf dan pelajar UPM untuk dilancarkan di peringkat UPM pada awal tahun 2019.

Oleh Salmah Abdullah



Dari kiri Puan Salmah Abdullah menerangkan inisiatif kempen membaca di UPM kepada YB Dr. Maszlee Malik

Di antara staf UPM yang turut hadir di Majlis Pelancaran READ@UNI Institusi Pendidikan Tinggi

Isi Kandungan

My Library Bilangan 18	
• Kempen Membaca Read@Uni	3
• Hari Bersama Pelanggan 2018	4
• Program Library For You	5
• Program Literasi Maklumat 2018 Untuk Pelajar Pasca Siswazah Baharu UPM	5
• Pandangan dan Maklum Balas Pengguna Terhadap Perpustakaan	6
• Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2018	7
• Seminar dan Bengkel Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA	8
• Seminar dan Bengkel EPrints : Pembangunan Repositori Institusi	8
• Bengkel Halatuzi Meningkatkan Visibiliti Tesis dan Disertasi Perpustakaan Akademik di Peringkat Global	9
• Bengkel Penyelidikan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad	10
• UPM-Elsevier Publishing Workshop	10
• Bicara Statistik 2018	10
• Persidangan IFLA WLIC 2018 Kuala Lumpur	11
• New Online Databases Subscribed by PSAS	12
• Veterinary Clinics of North America: Food Animal Practice	13
• Album Pelawat dan Kalendar Lawatan PSAS	14
• Staf Baharu PSAS Tahun 2018	14
• Staf PSAS Bersara (Julai - Disember 2018)	14
• Book Review	15



Hari Bersama Pelanggan

Meet the Customers Day

22 & 23 OKTOBER 2018
 22 & 23 OCTOBER 2018
 Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) sentiasa berusaha dengan pelbagai cara untuk bertemu dan berinteraksi dengan pelanggan bagi memberi pemahaman dan pendedahan tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan serta mendapatkan maklumbalas dan cadangan untuk menambahkan mutu perkhidmatan yang disediakan. Oleh itu, Program Hari Bersama Pelanggan (HBP) telah diadakan pada 22hb Oktober 2018 yang lalu, khusus untuk semua warga UPM. HBP pada kali ini merupakan penganjuran kali ketiga semenjak kali pertama penganjurannya pada tahun 2012. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Muzaffar Shah Kassim, Ketua Pustakawan UPM dan dihadiri oleh staf dan pelajar UPM.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antaranya penyampaian hadiah Anugerah Peminjam Tertinggi dan Pengunjung Bertuah, Sesi Kelas SPP dan WebOPAC serta Cabutan Bertuah, "Know Your Library" dan Teka Jumlah Koleksi Perpustakaan Utama. Selain itu, pertandingan "Best Idea" diadakan bagi mendapat idea terbaik daripada pelanggan Perpustakaan untuk meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan. Manakala pertandingan "Best Shot" pula merupakan aktiviti mengambil gambar di sekitar Perpustakaan yang terbuka kepada pelajar dan staf sama ada secara individu atau berkumpulan dan "posting" ke dalam Facebook atau Instagram dengan menggunakan hashtag #HariBersamaPelangganPSAS2018. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh En Muzaffar Shah dan pada HBP 2018 ini, En Aziz Yusof telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Peminjam Tertinggi PSAS.

HBP kali ini telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran Encik Ramlee Awang Murshid dalam Program Bicara Personaliti. Beliau yang merupakan novelis yang tidak asing lagi di Malaysia telah berkongsi pengalaman dan tips dalam penulisan novel. Program ini telah dikendalikan oleh Encik Abd. Razak Ahmad dari Penerbit UPM sebagai pemudah cara.

Kelas Pangkalan Data dan pameran pembekal pangkalan data seperti Access Dunia, Oxford University Press dan Springer turut diadakan bagi memberi pendedahan dan tunjuk ajar tentang pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan. Kelas ini khusus kepada pelajar pasca siswazah dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Selain itu, gerai jualan dan "food truck" turut disediakan bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk membeli makanan, minuman, bahan bacaan ringan dan kosmetik.

Hari Bersama Pelanggan telah mencapai objektifnya bagi mendekatkan warga kampus dengan perpustakaan di samping mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada pengguna dalam usaha perpustakaan untuk meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Oleh Haslina Abu Seman

Cik Haslina Abu Seman selaku Pengerusi HBP 2018 mengiringi Encik Muzaffar Shah Kassim, Ketua Pustakawan UPM melawat booth jualan dan pameran di Foyer Perpustakaan.



Encik Ramlee Awang Murshid, penceramah jemputan bersama staf di Sesi Ramah Mesra dan Tandatangan Buku




Pengguna menjamu selera di jualan makanan Foodtruck di perkarangan Perpustakaan.



UPM LIBRARY FOR YOU 2018

@ Faculty of Computer Science and Information Technology

"If you can't get to the library, let the library come to you!"



#Lib4U2018 #Lib4U@fsktm

Program Library for You

@ Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat

Pada tahun ini, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi (FSKTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dipilih sebagai lokasi ke enam Program "Library For You" oleh pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS). Program tahunan ini diadakan sejak tahun 2013 oleh Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat, PSAS bertujuan mendekatkan perpustakaan dengan warga UPM serta sejajar dengan pelaksanaan kempen Read@Uni di peringkat UPM pada tahun ini.

Prof. Madya Dr. Masrah Azrifah Azmi Murad, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah, FSKTM telah sudi untuk menyempurnakan majlis

perasmian dan pelbagai aktiviti berbentuk ilmiah dan santai telah diadakan. Program pada kali ini telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 300 orang peserta dengan pelbagai aktiviti seperti "Library Seminar on Publication: Publication in High Impact Journal", Latihan Pangkalan Data IEEE Xplore, Pangkalan Data Emerald Insight dan Perkhidmatan Rujukan. Selain itu, pelbagai booth turut diadakan seperti penerbit Springer Nature, Emerald Student Ambassadors, jualan buku Karangkraf, jualan makanan dan barangan serta permainan.

Oleh Rusniah Sayuti



Prof. Madya Dr. Masrah Azrifah Azmi Murad, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah, FSKTM empat dari kiri bersama pegawai pengurusan PSAS

Antara warga UPM yang menghadiri Program Library For You

Program Literasi Maklumat 2018

Untuk Pelajar Pasca Siswazah Baharu UPM

Library Information Literacy Programme for NEW POSTGRADUATE STUDENTS

Classes will be conducted as below:
12th - 21st September 2018

Venue: MALAWATI ROOM, Ground Floor, Block A, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM
 Time: Refer the programme schedule through library website.
 Online Registration: <https://tinyurl.com/y934cof8>

For any enquiries, please contact:
 1. Research and Information Services Division (03 9946 8825 / 8820)
 2. Reader's Advisory Desk (03 9946 8842)
 3. Visit our website (<http://www.library.upm.edu.my>) for more information

- Module 1: Introduction to the Library
- Module 2: Information Search Strategy
- Module 3: Library Information Skills on Online Databases
- Module 4: Mendeley: Beginner Participants are encouraged to bring own laptop

Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia mempunyai peranan penting dalam menyediakan pelbagai sumber maklumat kepada warga Universiti bagi keperluan aktiviti penyelidikan, khususnya pelajar pasca siswazah. Justeru itu, Program Literasi Maklumat (PLM) yang dianjurkan merupakan suatu usaha untuk mendidik pelajar agar mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengakses sumber maklumat.

Pustakawan Penghubung Fakulti dari Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan

Maklumat telah membangunkan beberapa modul untuk program ini iaitu "Introduction to Library", "Information Search Strategy", "Turnitin", "Citation Indexed Journals", "Mendeley" dan Pangkalan Data. Pada tahun ini, dua sesi program PLM telah berjaya dilaksanakan iaitu sesi pertama pada 26hb Februari hingga 2hb Mac 2018; dan sesi kedua pada 12hb hingga 21hb Oktober 2018. Sambutan yang diterima amat menggalakkan di mana seramai 978 orang pelajar pasca siswazah telah menyertainya.

Oleh Rusniah Sayuti



Pandangan dan maklum balas pengguna terhadap soal selidik ringkas mengenai Perpustakaan



MR. ANYANWU HILARY CHINEDU
 PhD Student, Faculty of Human Ecology

What do you love about UPM Library?

I am most delighted about UPM Library and for its robust database. Aside from this, their abilities to include e-thesis in their databases has made studies easier for students, thus enabling them (students) to cope with studies even from a distant location.

Do you have any suggestion to improve our library services?

UPM Library has been so fantastic but removing the computers in the Postgraduate Wing has really affected some students. It is in this premise that I suggest that new computers should be installed to enable those without computers or laptops to speed up their research. Also, some library staff lacks the ability to walk without making sounds which are against the library culture. They should be cautious and to be silent while being in the library.



CIK HASFAR SYAFIQAH ABDUL RAZAK
 Master Student, Institute of Tropical Agriculture and Food Security

What do you love about UPM Library?

The library is really comfortable especially the postgraduate space. The table provided is really spacious and they even provide a special room that allows the student to eat and drink while having their break. The wifi is also fast thus really convenient for us to surf and download the paper from the internet.

Do you have any suggestion to improve our library services?

Sometimes, the wifi can be a problem when there are too many people as it becomes limited. But, I have encountered a problem where the internet was limited even though it was still morning and not much of people. I have also seen some people encountered the problem and if the library can provide a small prayer room in the postgraduate place it would be nice and easier because sometimes it rains and it's difficult to go to the next block.



MR. SARMAF FARAJ ISMAEL AL-HUMAIRI
 Faculty of Engineering

What do you love about UPM Library?

The library has many facilities and provide a good environment for studying. Additional to other facilities like wifi, books and journal resources, opening during weekdays and some weekend, and a day off.

Do you have any suggestion to improve our library services?

For my opinion, everything is good. Thank you UPM.



MR. MOHSEN DELFANI
 PhD Student, Faculty of Design & Architecture

What do you love about UPM Library?

The place is quiet and friendly. The chairs are old and break many times during the last year.

Do you have any suggestion to improve our library services?

Please improve the quality of internet. Then, cleaning the toilets and providing the liquid soap which is the most important thing there.



CHOW HENG YEE
 Bachelor Student, Faculty of Human Ecology

What do you love about UPM Library?

The UPM library's website is one of the best part! It has a lot of e-journals, thesis and books that we, as UPM student get to access for free. It is so important especially me, as a social science student to be able to access all these information for our assignments and thesis. Thank you UPM library for giving us these access. Hope to have more in the future.

Do you have any suggestion to improve our library services?

I think perhaps UPM library can collaborate with students association in kolej and faculty to increase awareness on the library's resources. A lot of students still do not know about the existence of these subscriptions. Overall, I love it. Thank you UPM library for your services to us.



Oleh Morni Yati Ibrahim

PSAS meraih pelbagai Anugerah sempena Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM 2018

Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melaksanakan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) peringkat UPM pada setiap tahun mulai 2013 bagi menyokong agenda transformasi Negara dalam merealisasikan inovasi dan kreativiti dalam penyampaian perkhidmatan. Objektif Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi UPM adalah untuk meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja, memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM, merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan, dan menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

HKIP UPM 2018 yang membawa tema "Pemikiran Kreatif Penggerak Sinergi Inovasi" diadakan pada 2hb November 2018 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP UPM) 2018 kali ke-6 ini mempertandingkan sembilan (9) anugerah, dua (2) hadiah dan dua (2) pertandingan serta penghargaan diberikan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ), pasukan serta pekerja yang telah menunjukkan prestasi dan inovasi yang mampu meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Pada HKIP kali ini, Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah berjaya merangkul empat (4) anugerah dan satu (1) hadiah sempena HKIP UPM 2018. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada semua warga PSAS dan semoga dengan pencapaian ini akan mempertingkatkan lagi usaha pada tahun hadapan.

Anugerah dan hadiah yang dimenangi adalah:

1. Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran - Tempat Kedua (penarafan 4 Bintang). Hadiah: RM1,500.00 dan Sijil;
2. Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (Kategori Entiti Perkhidmatan) - Tempat Pertama & Johan keseluruhan. Hadiah: RM700.00 dan Sijil;
3. Anugerah Inovasi Perkhidmatan (Kategori Pengurusan) - Tempat Kedua bagi Kumpulan JanaLib dengan tajuk projek : "Inovasi Sistem Pengurusan Kursus Berbayar" . Hadiah: RM1,000.00 dan Sijil;
4. Anugerah Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan (Kategori 1: Jumlah Kewangan Melebihi RM10 juta) - Tempat Kedua. Hadiah: RM500.00 dan Sijil; dan
5. Hadiah Mencipta Tema – Tema Terbaik 2018 oleh Puan Nuraida Ibrahim. Pustakawan Kanan, Bahagian Pembangunan Kolesi, PSAS dengan Tajuk Tema : "Pemikiran Kreatif Penggerak Sinergi Inovasi". Hadiah: RM250.00 dan Sijil



Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran



Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (Kategori Entiti Perkhidmatan)



Anugerah Inovasi Perkhidmatan (Kategori Pengurusan)



Anugerah Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan (Kategori 1: Jumlah Kewangan Melebihi RM10 juta)



Hadiah Mencipta Tema – Tema Terbaik 2018 (RM250.00 dan Sijil)



Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan "Seminar dan Bengkel Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA" pada 2hb dan 3hb Julai 2018 yang lalu di Bilik Malawati, PSAS. Seramai 27 orang peserta dari perpustakaan di seluruh Malaysia telah menyertai kursus ini dan lima orang pegawai PSAS telah dijemput untuk berkongsi pengalaman mengenai pelaksanaan Sistem Bersepadu KOHA yang telah dilaksanakan di PSAS seperti berikut:

1. Kepentingan pelaksanaan Sistem KOHA di UPM oleh Tuan Haji Shaifol Yazam Mat, Ketua Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat (BSTM);
2. Overview Sistem KOHA: Global Setting dan Overview Sistem KOHA: Parameter Setting oleh Puan Raja Norazlinda Raja Azenam, Pustakawan Kanan, BSTM;
3. Overview Sistem KOHA: Modul Perolehan oleh Puan Noor Syafini Zamani, Pustakawan Kanan, BSTM;
4. Overview Sistem KOHA: Modul Pengkatalogan oleh Puan Najwani Amir Sariffudin, Pustakawan Kanan, Bahagian Pembangunan Koleksi;
5. Overview Sistem KOHA: Modul Sirkulasi/ Cik Nazibah Kamaruddin, Pustakawan Kanan Bahagian Perkhidmatan Pengguna; dan
6. Overview Sistem KOHA: Modul Reporting telah disampaikan oleh Encik Muizzudin Kaspol, Pustakawan Kanan, BSTM.

Di samping itu, PSAS juga menjemput dua orang pustakawan dari institusi lain iaitu Encik Helmi Masor @ Mansor, Ketua Bahagian Teknologi dan Repositori dari Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk memberi ceramah mengenai pelaksanaan Sistem KOHA di USIM dan Encik Mohd Kamal Mohd Yusoff, Ketua Pengurusan Fasiliti dan Teknologi Maklumat dari Perpustakaan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) untuk menyampaikan ceramah beliau berkaitan dengan pelaksanaan Sistem KOHA di UniKL. Selain perkongsiaan sistem KOHA di Perpustakaan Akademik, penceramah juga berkongsi pengalaman tentang pelaksanaan sistem KOHA di Perpustakaan Awam dan peserta turut berpeluang menjalani latihan amali Sistem KOHA dengan dibimbing oleh penceramah PSAS.

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan "Seminar dan Bengkel EPrints: Pembangunan Repositori Institusi" pada 4hb dan 5hb Julai 2018 di Bilik Termasa, (PSAS). Seramai 18 orang peserta dari luar UPM beserta pustakawan dari PSAS telah menyertai kursus selama dua hari ini.

Pada hari pertama, Encik Muizzudin Kaspol, Pustakawan Kanan dari Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat (BSTM), PSAS telah menerangkan pengenalan sistem repositori, pembangunan dan penggunaan Sistem EPrints serta panduan kepada "Administrator", "Editor", "User". Selain itu, Puan Nida Hidayati Ghazali, Pustakawan Kanan dari Bahagian Pengurusan Sumber Digital (BPSD), PSAS turut dijemput bagi menyampaikan ceramah berkenaan UPM IR dan Puan Emelda Mohd Hamid, Pustakawan Kanan, dari Bahagian yang sama telah berkongsi maklumat dan pengetahuan mengenai E-Thesis.

Oleh Tengku Nor Fazwani Engku Mud



Bengkel Halatuju Meningkatkan Visibiliti Tesis dan Disertasi Perpustakaan Akademik di Peringkat Global



Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia telah dipilih menjadi penganjur bagi Bengkel Halatuju Meningkatkan Visibiliti Tesis dan Disertasi Perpustakaan Akademik di Peringkat Global oleh Jawatankuasa Ketua Pustakawan dalam "Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2018" pada 16hb Julai 2018 yang lalu di PSAS.

berkaitan dengan Malaysian Theses Online (MyTO) seperti Standard Metadata Tesis untuk Sistem Perpustakaan; Penyelarasan Polisi dan Perundangan Koleksi Tesis; Penambahbaikan Sistem Tesis Online (MyTO) dan Penandaarasan Sistem Tesis Online Luar Negara. Hasil bengkel ini akan menentukan hala tuju MyTO dan akan diangkat dalam Jawatankuasa Ketua Pustakawan untuk tindakan selanjutnya.

Seramai 40 orang pustakawan dari Universiti Awam telah dijemput untuk menghadiri bengkel ini bagi membincangkan lima perkara yang

Oleh Azwana Ab. Rahman



Peserta bengkel



Encik Muzaffar Shah Kassim, Ketua Pustakawan sedang menyampaikan kata aluan



Peserta bengkel dibahagikan mengikut kumpulan bagi membincangkan topik-topik berkaitan MyTO





Workshop on Writing Your Thesis and Manage Your Articles Efficiently
10hb November 2018



Workshop on Ms Word Template. Dotx for Thesis Formatting
13hb Oktober 2018



Workshop on Qualitative Data Analysis Using Nvivo
27hb Oktober 2018

Bengkel Penyelidikan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Oleh Azwana Ab. Rahman

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini pihak Perpustakaan sering dianjurkan kursus yang berbentuk seminar dan bengkel berkaitan penulisan dan penerbitan kepada warga Universiti. Pelajar siswazah telah memberi maklum balas yang positif terhadap penganjuran program ini. Walau bagaimanapun, menurut mereka, kursus yang disediakan belum mencukupi untuk memenuhi keperluan aktiviti penyelidikan mereka. Mereka mencadangkan agar pihak Perpustakaan dianjurkan kursus berupa bengkel yang dapat membantu mereka memperolehi dengan segera ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan metodologi dan alat bantuan penyelidikan. Selain itu, penganjuran kursus di dalam kampus UPM memudahkan pelajar menghadiri kursus dan kos yang dikenakan adalah lebih murah berbanding kursus-kursus penyelidikan yang ditawarkan oleh pihak luar.

Sehubungan itu, mulai bulan April 2018 pihak Perpustakaan telah bekerjasama dengan beberapa orang pensyarah dari UPM dan institusi lain menawarkan kursus-kursus penyelidikan seperti dalam jadual di bawah.

TARIKH	KURSUS PENYELIDIKAN
14 - 15 April 2018	Workshop on Qualitative Data Analysis using Nvivo
28 - 29 April 2018	Workshop on MS Word Dotx for Thesis Formatting & Mendeley
15 Mei 2018	Workshop on Basic SPSS
28 Jun 2018	Workshop on Qualitative Data Analysis using ATLAS. ti
13 Oktober 2018	Workshop on Ms Word Template. Dotx for Thesis Formatting
27 Oktober 2018	Workshop on Qualitative Data Analysis Using Nvivo
10 November 2018	Workshop on Writing Your Thesis and Manage Your Articles Efficiently

Penganjuran kursus ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakan bukan sahaja daripada pelajar dan pensyarah UPM, malah dari institusi lain. Sebagai persediaan bagi tahun 2019, pihak Perpustakaan telah merancang takwim kursus ini lebih awal bagi memudahkan pelajar membuat perancangan. Maklumat lanjut mengenai kursus ini boleh diperolehi dari "Portal of Library Courses" di url <http://courseslib.upm.edu.my/courseslib/> ataupun hubungi Encik Mohd Dasuki Sahak, Pustakawan di Bahagian Korporat dan Latihan Staf di talian 03-89467948.

UPM-Elsevier Publishing Workshop



On Thursday, 17th July 2018, 10.00 am, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) in collaboration with Elsevier has successfully conducted a workshop on "How to Successfully Publish in a Scientific Journal". The objective of the workshop is to assist authors in Universiti Putra Malaysia (UPM), in understanding the international best practices in publishing, preparing and submitting the proper manuscript language, articles structure, and the understanding of ethical writing. This is among the initiative by PSAS to support research activities in UPM.

The workshop takes approximately 2.5 hours and presented by Mr. Rob Van Daelan, Journal Publisher at Elsevier. The workshop has attracted 387 participants from UPM comprising of students, researchers, lecturers and was held at the Auditorium of the Faculty of Veterinary Medicine, UPM.

By Liza Ab Liah and Khairil Ridzuan Khairullah

Program Bicara Statistik 2018

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia telah dianjurkan Program Bicara Statistik 2018 di Bilik Auditorium 1, PSAS dengan topik utama iaitu "Indeks Harga Pengguna Malaysia" dan program ini ditawarkan secara percuma kepada semua para pelajar, pensyarah dan staf UPM.

Pendapatan dan Perbelanjaan telah dijemput sebagai penceramah program dan beliau telah menerangkan mengenai Indeks Harga Pengguna (IHP) kepada semua peserta. IHP merupakan kaedah mengukur perubahan kos pembelian oleh isi rumah mengikut masa bagi bakul tetap barangan dan perkhidmatan.

Bakul tetap barangan dan perkhidmatan IHP adalah merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan

kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Beliau juga menerangkan secara terperinci konsep IHP dibentuk dengan tujuan menyediakan satu ukuran am perubahan dalam harga yang dialami oleh pengguna dalam negara secara keseluruhan.

Oleh Siti Noorhaniza Hamdan



Transform Libraries, Transform Societies

World Library and Information Congress
84th. IFLA General Conference and Assembly
24-30 August 2018, Kuala Lumpur, Malaysia

Oleh Fatimah Zahrah @ Aishah Amran

Malaysia telah berjaya dipilih buat pertama kalinya menjadi tuan rumah "World Library and Information Congress" (WLIC) pada tahun ini dan merupakan negara ketiga menjadi tuan rumah dalam kalangan Negara ASEAN selepas Thailand pada tahun 1999 dan Singapura pada tahun 2013. WLIC telah diadakan pada 24hb hingga 30hb Ogos 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan penyertaan lebih 3,000 orang pustakawan dari lebih 100 buah negara di seluruh dunia. Persidangan ini dianjurkan oleh International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA), satu-satunya badan profesional dalam bidang kepustakawanan yang dianjurkan program berprestij tinggi di peringkat antarabangsa sejak tahun 1993.

Penganjuran WLIC menjadi suatu kebanggaan kepada rakyat Malaysia terutamanya golongan pustakawan di mana mereka berpeluang bertemu dengan perwakilan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat dari seluruh dunia, bertukar pengalaman, membahas isu-isu profesional, menyaksikan pameran produk terkini industri, menjalankan perniagaan dan merasai pengalaman sesuatu budaya negara.

Seramai 15 orang pegawai PSAS telah berpeluang menyertai IFLA WLIC, di mana tujuh orang pegawai berjaya menyertai melalui "Geran IFLA Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)" (lima orang) dan Sukarelawan IFLA WLIC (dua orang). Seterusnya, lima orang pegawai melalui Peruntukan Mengurus PSAS, dan tiga orang dibiayai melalui peruntukkan Bahagian Latihan Pendaftar UPM.

Sepanjang persidangan berlangsung, pustakawan dari seluruh dunia berpeluang untuk membentangkan kertas kerja dan poster mengikut topik yang ditetapkan oleh setiap sekretariat IFLA. Kertas kerja oleh Dr Samsul Farid Samsuddin yang bertajuk "Urban Farmers via Social Media Groups: Role of Internet - based Information Services in Meeting Urban Agricultural Information Needs" telah terpilih untuk pembentangan semasa IFLA. Manakala, poster bertajuk "The Improvement of Book Shelving Process Through Lean Project in the Universiti Putra Malaysia Library" oleh Encik Roslan Ariffin, Cik Nazibah Kamaruddin, Puan Noor Syafini Zamani, Encik Mohamad Jefri Mohamed Fauzi dan Encik Mohd Dasuki Sahak telah terpilih untuk pameran "Library Boulevard IFLA WLIC 2018".



Pustakawan UPM turut berpeluang menghadiri Malam kebudayaan yang diadakan pada 27 Ogos di MaTIC dan WOWKL. Ianya merupakan satu majlis untuk mewujudkan rangkaian dengan rakan perpustakaan di seluruh dunia.



Antara Pustakawan PSAS bersama peserta dari dalam dan luar negara yang menghadiri IFLA WLIC 2018 Kuala Lumpur




Encik Mohd Dasuki Sahak dan Puan Nur Azleen Hasan terpilih sebagai sukarelawan IFLA WLIC





New Online Databases Subscribed by PSAS



Encompasses of more than 200 titles and with content dated way back to 1996, the Oxford Journals Collection includes some of the world's most highly cited and prestigious journals in the fields of Medicine, Life Sciences, Law, Mathematics and Physical Sciences, Humanities and Social Sciences.

Veterinary Clinics of North America: Food Animal Practice presents those in the veterinary medicine field with the most current treatment of food animals, updates on the latest advances, and provides a sound basis for choosing treatment options. Published 3 times a year—in March, July, and November—each issue features expert, state-of-the-art reviews on a single topic, including anesthesia/analgesia, infectious diseases, therapeutics, emergency medicine, surgery, gastroenterology, and clinical pathology.

Vetstream is the online clinical reference resource for the treatment of cats, dogs, horses and rabbits.

As a veterinary student, Vetstream will help you to locate detail informations to complement your lecture materials without the need to search in a variety of resources, ensuring the most efficient use of your research time. The comprehensive content of over 19,000 text and media sources is provided by over 900 of the world's leading veterinarians and updated weekly, so you can be confident in the quality and accuracy of the content.

Vetstream offers point of care clinical information, supported by thousands of interactive images, videos and illustrations, including x-rays, MRI scans and ultrasound images. Categorized into four encyclopedic services: Felis, Canis, Equis and Lapis, the content is cross-linked to allow comparative searching across each subject area, with direct links to abstracts and primary resources on PubMed and VetMed for an evidence-based approach.



You can access these newly subscribed databases via Ez-Proxy from the library homepage URL: www.lib.upm.edu.my. If you have any comments or questions about these databases please don't hesitate to contact us: 03-89468642.


By Roziana Shamsuri



Veterinary Clinics of North America: Food Animal Practice

This journal provides the most current treatment of food animals; updates on the latest advances; and provides a sound basis for choosing treatment options. Published by Elsevier; a reputable publishing company, each issue focuses on a single topic in food animal practice and is reviewed by an experienced editor. As a high impact journal, it aims to serve as a fast and efficient platform for disseminating scientific results in the wide area of research. It is published three times per year (March, July and November) and among the main topics covered include:

- Anesthesia/Analgesia
- Infectious Diseases
- Therapeutics
- Emergency Medicine
- Surgery
- Gastroenterology
- Clinical Pathology



Information searching and retrieval skills are vital as this enables students, staff and researchers in getting the most accurate information as and when needed. This journal understands this needs and thus offers an easy and user friendly interface where even novice users will encounter no problem while accessing it. It uses dropdown menu which allows smooth website navigation. Users can easily select and, from there, be taken to another area of the journal.

Personalization is one of the interesting features available where it allows users to use filter function to determine the number of results displayed in one page as well as the format list. This journal also offers SDI (Selective Dissemination of Information) service where users will be notified when there is a new issue or update on their subject interest. This can be done

through the e-alert feature which available once users are signed up or successfully created an account. Apart from that, users can also use "Export Citation" function to export citations and bibliographic records of a selected journal article to their preferred reference tools such as Mendeley, RefWorks and Endnotes.

This journal does not offer open access to its contents. Therefore, UPM students and staff can access it by logging in to Ezproxy. All users are encouraged to fully utilize this journal as the current subscription is until 31st March 2019 only.

By Nursyafinaz Mohd Noh and Erni Suraya Abd Aziz

Album Pelawat & Kalendar Lawatan Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Oleh Nurdiyana Mohd Kamal

BULAN	TARIKH	ORGANISASI
Julai	2/7/2018	Pelajar Latihan Industri - Mi Xiao
	12/7/2018	Thepsatri Rajabhat University
	16/7/2018	Pelajar Latihan Industri - Airlangga University
	23/7/2018	Pelajar Latihan Industri - Nur Syamimi Asyranee Ainuddin Zaidee (UiTM Merbok)
	24/7/2018	Lawatan Luar Negara dari Thailand - CALC
	26/7/2018	Lawatan Pengawas Pusat Sumber Sekolah Menengah Kebangsaan Cyberjaya
Ogos	1/8/2018	Pelajar Latihan Industri - Tengku Nor Fazwani Engku Mud (UiTM Puncak Perdana)
	1/8/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Perwira Jaya, Pahang
	3/8/2018	Lawatan Kerja 5S dari Pusat Antarabangsa, UPM
	17/8/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kluang, Johor
	20/8/2018	Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Kwarters Masjid KLIA
	30/8/2018	Peserta Persidangan WLIC 2018

BULAN	TARIKH	ORGANISASI
September	4/9/2018	Peserta Persidangan WLIC 2018
	14/9/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Mahkota Muar, Johor
	27/9/2018	Lawatan Kerja 5S dan Kelestarian Hijau dari iDEC UPM
Oktober	1/10/2018	Pelajar Latihan Industri - Siti Hafizah Mansor (UNISEL)
	9/10/2018	Perpustakaan Dr. Abdul Latiff, UKM Kampus Kuala Lumpur
	11/10/2018	Sekolah Menengah Kebangsaan Belitong Kluang, Johor
	18/10/2018	Delegasi Universitas Negeri Semarang (UNNES), Indonesia
	19/10/2018	Lawatan Pelajar Airlangga Universitas (UNAIR), Surabaya Indonesia
	25/10/2018	Lawatan Pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau
November	5/11/2018	Lawatan Pelajar dari Kyushu Institute of Technology, Jepun
	8/11/2018	Institut Yogyakarta, Indonesia
	26/11/2018	Perpustakaan Penyelidikan Borneo, Kumpulan Yayasan Sabah



Lawatan Pelajar Airlangga Universitas (UNAIR), Surabaya Indonesia



Lawatan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Belitong Kluang, Johor

Staf PSAS Bersara (Julai - Disember 2018)

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1	Mastura Mohd Yapandi	Penolong Pustakawan	01.07.2018
2	Hashim Mat Sir	Pembantu Pustakawan	19.07.2018
3	Mohammad Noor Ismail	Pembantu Pustakawan	03.09.2018
4	Sohaini Sarbini	Pembantu Pustakawan	13.11.2018
5	Mohd Ali Abu	Pembantu Pustakawan	19.11.2018

Staf Baharu PSAS Tahun 2018

Pihak Pengurusan dan seluruh warga PSAS mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada enam orang staf yang baru melapor diri di PSAS pada bulan November dan Disember tahun ini. Semoga mereka mampu memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi mencapai Visi dan Misi serta Objektif PSAS.



Encik Mohd Afiq Bin Rusly
Pustakawan



Encik Mohd Fahmie Bin Ahmad
Pembantu Pustakawan



Encik Muhammad Faza Husna Bin Mohd Laili
Pembantu Pustakawan



Encik Mohd Akbar Farid Bin Mahmood
Pembantu Pustakawan




Encik Muhamad Fazril Bin Awang
Pembantu Pustakawan



Encik Mohd Badrul Hisham Bin Basro
Pembantu Pustakawan

Book Review




Nota Jutawan Nota Motivasi

Author: Irfan Khairi
Publisher: Telaga Biru Sdn Bhd
Year of publication: 2008
Call number: BF503 1673
Location: Main Library

Menjadi seorang jutawan merupakan impian semua orang. Oleh itu, buku terbitan Irfan Khairi merupakan tindakan yang paling wajar untuk dibaca agar masyarakat dapat mengetahui dan memahami

tentang isi kandungannya yang mengisahkan pengalaman beliau yang telah pun mencapai taraf jutawan. Di dalam buku ini, Dr. Irfan menceritakan perancangan beliau untuk menjadi jutawan ketika berusia 18 tahun. Tiga tahun kemudian barulah beliau berjumpa dengan perniagaan melalui Internet secara kebetulan. Beliau juga menyatakan, "Sesiapa sahaja boleh menjadi jutawan". Anda boleh menjadi jutawan dalam bidang yang anda ceburi sekarang. Bagaimana untuk menjadi jutawan tersebut, buku ini dapat membantu masyarakat dalam membuat perancangan. Buku penuh warna-warni ini memberi senarai panduan dalam bentuk yang paling mudah berserta ilustrasi menarik.




100 Ways to Motivate Others

Author: Steve Chandler and Scott Richardson
Publisher: Career Press
Year of publication: 2008
Call number: HF5549.5 M63 C456 2008
Location: Main Library

The authors of 100 Ways to Motivate Others, Steve Chandler and Scott Richardson prove that the easiest ideas make the most sense. In this book, it is full with inspirational gems and can encourage leaders to

reconsider and rethink their managerial style. The residents of the corporate world will identify with their observations and most of them will agree with these recommendations. For the people who have trouble relating to sports analogies, they must read this book because it is full of them. Besides that, the authors summarized in understandable 100 straightforward chunks of motivational advice in short chapters laced with pithy quotes. These techniques must be applied, not just conceptualized. People need to apply the techniques and put efforts in their life not only just sit back and wait for miracles or something to happen as the authors remind that, practice makes perfect.



Life Without Limits

Author: Nick Vujicic
Publisher: Waterbrook Press
Year of publication: 2013
Call number: BV4501.3 V989
Location: Main Library

Life Without Limits is a motivational and inspiring book written by an extraordinary man. He was born without arms or legs, Nick Vujicic defeated his incapacity to live autonomously as well as a rich, satisfying life, turning into a model for anybody that looking for genuine happiness. Presently as an internationally inspirational speaker, his

focal message is that the most vital objective for anybody is to discover their life's motivation regardless of whatever challenges or apparently inconceivable chances stand in their direction. During his childhood, Nick confronted and overcame serious depression. He started interact with others who confronting tough conditions and helped them discover hope in their life. His very own feeling of direction became more grounded as he ended up familiar with individuals everywhere throughout the world that required somebody to urge them not to surrender their fantasies. He demonstrates the intensity of expectation and never surrendering in his motivational story and how today he has possessed the capacity to venture the world and experience a real existence the vast majority never will. This book is highly recommended for anybody seeking to find meaning, purpose and hope in their lives.



Doing and Writing Qualitative Research

Author: Adrian Holliday
Publisher: SAGE
Year of publication: 2016
Call number: H62 H739 2016
Location: Main Library

The new edition of Doing and writing qualitative research offers the completeness of research accounts at its centre and pushes the boundaries of understand the naturalistic studies to convey the personal and disciplinary challenge of fieldwork explanation. The author is aware of the need to explain with purpose and sensitivity the value, insight and complexity requirements when studying human interactions. Through various forms of data collection, analysis and theory that are taken on methodological process that is both a practical fieldwork guide but also offers a new contribution towards an understanding of researcher positionality at an interdisciplinary level.

Jom Kita **BERWAKAF** untuk Wakaf Anjung Ilmu @ Library UPM



RM2 Juta Kos Keseluruhan



Ruang Bacaan



Perabot



Peralatan Teknologi Maklumat



Prasarana Perpustakaan Luaran & Dalaman



We **Library**
TOGETHER **We** CONTRIBUTE

Salurkan Sumbangan Anda ke dalam **Akaun CIMB ISLAMIC:**
8602-68-4995
UPM DANA WAKAF ILMU

Log masuk:
<http://www.cimbclicks.com.my>
Klik > Pay > Bills > Select an account
Klik > Enter Biller Name
Klik > Wakaf Ilmu UPM

Ikuti arahan seterusnya sehingga selesai

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Kaunter Kutipan WAZAN, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia
Tel (p): 03-89466156 / 8933
Hotline: 010 8728566

3 SOALAN LAZIM mengenai Wakaf Anjung Ilmu @ Library UPM

Anjuran bersama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) & Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia

Suasana semasa PSAS



Suasana perpustakaan luar negara



We **Library**
TOGETHER **We** CONTRIBUTE

1 Mengapa ruang dan prasarana PSAS perlu ditransformasi?

- Ruang sedia yang ingin dinaik taraf telah berusia lebih 45 tahun;
- Menyediakan ruang yang lebih kondusif, selesa dan selamat kepada pengguna perpustakaan;

2 Bagaimana dan siapa yang boleh membantu merealisasikan Wakaf Anjung Ilmu @ Library UPM dengan hanya bermula dari RM1.00 setiap Lot?

- Dengan sumbangan bermula RM1.00, anda berpeluang membantu PSAS menjadi sebuah perpustakaan yang mempunyai ruang dan prasarana bereputasi antarabangsa
- Pelajar, Staf, Alumni UPM, pengunjung dan organisasi serta syarikat berpeluang menyumbang

3 Mengapa kita perlu menyumbang untuk naik taraf PSAS?

- Memandangkan projek ini memerlukan kos yang besar dan mencecah RM2,000,000.00, bantuan daripada semua pihak amatlah diperlukan
- PSAS dan WAZAN bekerjasama menubuhkan Skim Wakaf Perpustakaan untuk merealisasikan projek ini
- Sumbangan anda juga melayakkan pelepasan cukai di bawah **Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (No. Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-6,1888.**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Kaunter Kutipan WAZAN, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia
Tel (p): 03-89466156 / 8933
Hotline: 010 8728566

ISSN 1675-4806



DIS 2018

9 771675 480008